

TARIKH: 10/4/2023
SURAT KHABAR: SINAR HARIAN
MUKA SURAT:

Sinar
w/q

10 | NASIONAL

Cuepacs cadang gaji diawalkan 14 April

Bagi membolehkan penjawat awam buat persediaan awal sambutan Aidilfitri.

KUALA LUMPUR

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mencadangkan supaya tarikh pembayaran gaji kepada penjawat awam diawalkan kepada 14 April ini.

Presidennya Datuk Adnan Mat berkata, ia bagi membolehkan penjawat awam membeli barangan untuk

persediaan Aidilfitri yang dijangka disambut pada 22 April ini.

"Cuepacs yakin bahawa kerajaan mampu melaksanakan perkara tersebut kerana ia tidak melibatkan proses yang sukar selain dapat memberi kemudahan kepada kakitangan kerajaan sendiri.

"Cuepacs juga menyeru agar majikan di peringkat swasta turut berbuat demikian sebagai salah satu usaha menjaga kebajikan warga pekerja," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Beliau berkata Cuepacs juga berharap pembayaran gaji awal itu turut melibatkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri berjumlah RM700 yang dijadualkan dibayar pada tarikh penerimaan gaji iaitu 17 April ini.



ADNAN

Pada Sabtu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata akan mempertimbangkan supaya pembayaran gaji penjawat awam pada bulan April dapat diawalkan, sebagai persediaan untuk menyambut Aidilfitri.

Adnan berkata, Cuepacs amat menghargai keprihatinan Perdana Menteri terhadap perka-

ra itu kerana inisiatif bayaran gaji awal dapat memberi kelegaan kepada penjawat awam.

"Khususnya bagi mereka yang pulang ke kampung, mereka boleh membuat pembelian lebih awal berbanding saat-saat akhir pada minggu terakhir Ramadan," katanya. - Bernama